

14 FEB 2004

Siti Hasmah-Anugerah

DR SITI HASMAH TERIMA ANUGERAH FELLOW INTAN 2003

KUALA LUMPUR, 14 Feb (Bernama) -- Tun Dr Siti Hasmah Mohamed Ali hari ini menerima anugerah Fellow Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) 2003 atas komitmen beliau selama lebih dua dekad dalam pembangunan negara dan masyarakat.

Penyampaian anugerah yang disempurnakan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman turut disaksikan suaminya, bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad, di Intan Bukit Kiara di sini.

Dalam ucapan menerima anugerah itu, Dr Siti Hasmah menasihatkan semua pejawat awam supaya menanam dalam diri mereka budaya pembelajaran yang berterusan kerana ia dapat membantu meningkatkan kualiti seseorang penjawat awam itu.

"Walaupun anda mempunyai kesibukan bekerja di pejabat, rebutlah peluang dari semasa ke semasa dengan menambah dan meningkatkan lagi kemahiran diri.

"Janganlah kita berpuas hati dengan pengetahuan yang telah kita pelajari semasa di universiti dahulu dan yang dituntut di Intan," katanya.

Beliau turut menasihatkan semua penjawat awam agar menjauhi diri daripada rasuah, pecah amanah, penipuan, kancah maksiat dan perbuatan tidak bermoral.

Dr Siti Hasmah memulakan karier beliau di dalam perkhidmatan awam sebagai doktor pelatih di Hospital Kuala Lumpur pada tahun 1955 dan pernah menyandang jawatan Pemangku Penguasa Perubatan, Pengetua Sekolah Latihan Kesihatan Luar Bandar, Pegawai Kesihatan Kedah Utara, Pegawai Kesihatan Wanita dan Kanak-kanak bagi negeri Kedah dan juga berkhidmat di Institut Kesihatan Umum.

Beliau menamatkan perkhidmatannya dalam bidang perubatan pada tahun 1979 bagi menumpukan sepenuh masa kepada tanggungjawab beliau sebagai isteri timbalan perdana menteri dan seterusnya isteri perdana

menteri mulai
tahun 1981.

Samsudin dalam ucapannya meminta semua kakitangan perkhidmatan awam agar mencontohi Dr Siti Hasmah yang mempamerkan sikap tidak penting diri semasa menjalankan tugas dan tanggungjawab beliau kepada negara dan bangsa.

Penjawat awam yang baru memulakan kerjaya perlu memulakannya dengan langkah yang betul agar tidak tersesat dengan amalan serta tabiat yang merosakkan diri dan perkhidmatan awam, katanya.

"Dalam kerjaya kita, kita akan ditempatkan ke jawatan-jawatan yang berpengaruh dan membuat keputusan-keputusan yang penting yang memberi kesan kepada orang awam, syarikat-syarikat dan individu.

"Jika kita membiarkan kepentingan peribadi mempengaruhi keputusan itu, sudah tentulah kita tidak akan membuat keputusan yang adil berasaskan kepentingan awam dan perkhidmatan," katanya.

Ketika ditanya pemberita kemudian sama ada kerajaan akan merangka modul tertentu untuk membendung gejala rasuah dalam perkhidmatan awam, Samsudin berkata para penjawat awam sentiasa diberi peringatan tentang bahayanya amalan rasuah.

Malah katanya, semasa mereka menjalani latihan dan kursus yang disediakan kerajaan, penerapan nilai-nilai beretika tinggi diperkenalkan bagi mendidik mereka berkhidmat secara amanah.

-- BERNAMA
NN HS RON